

23 SEP 1997

Anwar-Mahathir ''''

KAMI AKAN PERBETULKAN KELEMAHAN NEGARA KAMI, KATA ANWAR

Oleh: Azman Ujang

HONG KONG, 23 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kepada masyarakat kewangan dunia hari ini bahawa Malaysia akan "memperbetulkan apa juga kelemahannya" dan meminta pelabur-pelabur asing tidak melihat kekuatan ekonomi Malaysia semata-mata berdasarkan beberapa kenyataan keras yang dibuat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil meminta persefahaman mereka dengan menempatkan Malaysia pada perspektif sewajarnya, beliau berkata adalah tidak adil untuk mengetepikan kejayaan Dr Mahathir selama 16 tahun menerajui Malaysia ke arah kemakmuran ekonomi hanya kerana beberapa kenyataan lantang atau kontroversi yang berpunca daripada serangannya terhadap spekulator mata wang, George Soros.

"Saya berpendapat perang mulut antara Dr Mahathir dan Encik Soros adalah sama. Saya perlu memandang ke hadapan dan bukannya diheret sama untuk meneruskan perang mulut ini. Dan tanggungjawab saya ialah memperbetulkan kelemahan yang ada dalam negara kami," katanya pada persidangan berita di sini.

Semasa persidangan berita itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan diminta berulang kali mengulas kritikan Dr Mahathir terhadap para spekulator pasaran asing dan komen Soros bahawa beliau dijadikan "scapegoat" (orang yang dicari untuk disalahkan) terhadap krisis mata wang di Asia Tenggara.

Ketika ditanya sama ada pelabur-pelabur asing harus mempercayai kenyataan kontroversi Dr Mahathir mengenai pasaran mata wang atau sebaliknya harus mempercayai beliau (Anwar), beliau segera menjawab: "Anda harus mempercayai kedua-duanya".

Kecaman terhadap Dr Mahathir semakin berleluasa terutama oleh majalah-majalah antarabangsa semasa menjelang mesyuarat tahunan Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia di sini.

Para wartawan asing memberitahu Anwar pada persidangan berita itu bahawa lebih banyak kenyataan keras yang dibuat oleh perdana menteri, ringgit dan pasaran saham Malaysia akan bertindak balas lebih negatif.

Dalam satu temubual dengan akhbar Hong Kong pada Ahad lepas, Dr Mahathir dipetik sebagai berkata bahawa Malaysia akan menghadkan urusan niaga mata wang dalam perdagangan kewangan, berikutan gesaan beliau sehari sebelum itu supaya dilarang sebarang spekulasi mata wang.

Dr Mahathir, yang berada di sini hujung minggu lepas untuk berucap pada seminar Bank Dunia, menyifatkan spekulasi mata wang sebagai tidak perlu, tidak produktif dan langsung tidak bermoral.

Tetapi Anwar, yang tiba di sini Ahad lepas, menjelaskan bahawa tiada perubahan dalam peraturan perdagangan mata wang di Malaysia, satu langkah yang dilihat sebagai cuba mengelakkan kejatuhan ringgit dan harga saham Malaysia.

Persidangan berita itu menjadi semakin menarik apabila seorang wartawan terus mendesak Anwar bahawa walaupun beliau menafikannya, Dr Mahathir sememangnya menyatakan apa yang dilaporkan dalam temubual akhbar itu, dan bertanya kepada timbalan perdana menteri: "Siapa yang patut kami percaya, anda atau perdana menteri?"

Anwar tersenyum dan berkata: "Ini amat rumit. Anda boleh percayakan kami berdua. Saya telah berbincang dengan perdana menteri dan ini bukannya sesuatu yang bercanggah."

Beliau berkata Dr Mahathir membuat satu kenyataan berhubung dasar dan kebimbangan, dan sebagai perdana menteri, beliau memberikan satu pandangan

umum.

"Tetapi tugas saya sebagai menteri kewangan ialah untuk berurusan dengan spesifik. Saya memberi jaminan kepada anda bahawa memang tidak ada perubahan dalam dasar perdagangan mata wang kami," kata Anwar.

Anwar berkata beliau bimbang bahawa kemarahan Dr Mahathir itu digambarkan sebagai nasionalis yang keterlaluan oleh media sedangkan pada masa yang sama, Malaysia mencuba sedaya upaya untuk meliberalkan ekonomi dan pasarannya.

Anwar berkata jika terdapat perubahan dalam peraturan, beliau sebagai menteri kewangan bersama-sama dengan gabenor Bank Negara dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti akan dimaklumkan dan dalam kes ini, mereka tidak dimaklumkan mengenainya.

"Apa yang menjadi kebimbangan saya ialah orang ramai membaca kenyataan keras Perdana Menteri Dr Mahathir dan membuat rumusan bahawa ia lebih merupakan kemarahan seorang nasionalis yang keterlaluan yang cuba membuat peraturan dan syarat-syarat baru.

"Tetapi, lihat Dr Mahathir sejak 16 tahun lepas (sebagai perdana menteri). Saya tidak mungkin dapat membuka, membebaskan atau meliberalkan ekonomi negara tanpa keseluruhan Kabinet dan perdana menteri bersama-sama dengan saya dalam perkara ini," kata Anwar.

Beliau berkata satu atau dua kenyataan tidak harus melenyapkan komitmen jangka panjang dan dasar mengenai kebebasan pasaran Malaysia.

"Hanya ini sahaja permintaan yang saya boleh buat," kata Anwar.

"Kami semua menyokong ekonomi yang liberal dan terbuka. Lupakan soal yang retorik," katanya.

Ketika ditanya apa yang dapat dipelajari oleh Malaysia daripada krisis ekonomi sekarang yang menyebabkan nilai Ringgit susut dan harga saham jatuh, timbalan perdana menteri berkata terdapat banyak perkara yang dipelajari dalam "memperbetulkan kelemahan kami."

Beliau memberitahu mengenai potongan dua peratus daripada perbelanjaan kerajaan, memperlahankan atau menangguhkan beberapa projek mega termasuk projek pusat membeli belah di atas sungai yang dikenali sebagai Kuala Lumpur Linear City serta langkah-langkah lain yang akan diumumkan badalm Belanjawan 1988 bulan depan.

Tetapi Anwar berkata di samping semua "cakap-cakap" mengenai masalah mata wang dan pasaran saham Malaysia, tidak ada masalah serius yang menjejaskan ekonomi sebenar negara.

Tidak ada pekerja yang diberhentikan atau kilang ditutup dan malahan sektor hartanah langsung tidak terjejas, katanya.

Langkah-langkah lain juga diambil bagi memastikan lebih belanjawan yang lebih pada tahun ini dan yang lebih besar pada tahun depan.

Anwar berkata pertumbuhan ekonomi dijangka kekal pada 8 peratus tahun ini dengan pertumbuhan 8.4 peratus dicapai pada separuh masa pertama tahun ini.

Pertumbuhan ekonomi tahun depan bagaimanapun adalah lebih sederhana sejajar dengan pemotongan dalam perbelanjaan awam dan langkah-langkah menjimat kos yang lain.

Anwar, yang digelar oleh sesetengah akhbar antarabangsa sebagai "suara kesederhanaan Malaysia", kemudian bercakap mengenai perbezaan politik dan ekonominya.

"Dari segi politik, saya memang seorang yang liberal tetapi dalam pengurusan ekonomi, saya seorang yang konservatif," katanya.

Anwar berkata beliau merupakan suara minoriti di kalangan menteri-menteri kewangan rantau ini dalam mengingatkan bahawa negara-negara Asia Tenggara supaya tidak leka dengan apa yang disebut Keajaiban (ekonomi) Asia.

"Saya sering mengingatkan bahawa kita tidak harus dibuai dengan sikap

puas hati dan ekonomi kita bukannya tidak dapat dilihat tetapi mudah diserang," kata Anwar, yang sering menggalakkan pembinaan rumah kos rendah dan program pembasmian kemiskinan di Malaysia.

Beliau berkata walaupun masalah yang melanda Thailand sudah dijangka tetapi sejauh mana krisis itu dan kesannya terhadap negara lain tidak dapat diduga kerana langkah-langkah yang diambil Thailand dilihat sebagai sangat sedikit dan sangat lewat.

Timbalan perdana menteri itu, yang akan berucap pada mesyuarat IMF esok, telah ditanya banyak soalan mengenai "perang mulut" Mahathir-Soros tetapi meminta para wartawan supaya tidak memanjangkan kontroversi itu.

Pada seminar Bank Dunia dan kemudian satu persidangan berita di sini Ahad lepas, Soros, bilioner Amerika Syarikat, berkata beliau dijadikan sebagai "scapegoat" (orang yang dicari untuk disalahkan) oleh Dr Mahathir kerana "kegagalan beliau (Dr Mahathir) sendiri" dan menafikan beliau berperanan di belakang kemelut pasaran mata wang itu.

Pada akhir persidangan berita itu yang berlangsung selama 45 minit, Anwar didengar sebagai berkata:"Ianya sangat rumit." -- BERNAMA

AU NAK